



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- |                                                                                                                |                                                                                                                           |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>● YB Menteri</li><li>● YB Timbalan Menteri</li><li>● YBhg. KSU</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>● YBhg. TKSU (PPDN)</li><li>● YBhg. TKSU (PP)</li><li>● Setiausaha Akhbar</li></ul> |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

*Tarikh: 4 JULAI 2024*



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Kajian perundangan Lemon Law dijangka selesai September ini

**Kajian** mengenai perundangan berkaitan ‘Lemon Law’ membabitkan kumpulan perunding pakar yang dimulakan bulan lalu, dijangka selesai September ini.


Lemon Law ialah undang-undang menyediakan hak tebus rugi kepada pembeli kenderaan bermotor dan barang pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk berulang kali rosak selain gagal memenuhi standard kualiti serta prestasi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata kajian kebolehlaksanaan Lemon Law itu dilaksanakan susulan pelbagai aduan yang diterima.

Sehubungan itu, katanya, hasil kajian berkenaan akan dijadikan asas pertimbangan, sama ada perlu membuat penambahanbaikan terhadap kerangka perundangan sedia ada atau perundangan baharu perlu digubal.

“Kementerian akan terus melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan, termasuk penganjuran Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024 pada esok,” katanya pada sesi Ihsan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Shamshukhar Mohd Deli (BN-Jempol) mengenai usaha kerajaan menggubal akta baharu



Armizan pada Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen, semalam.  
(Foto BERNAMA)

atau meminda akta sedia ada, berkaitan Lemon Law bagi melindungi pengguna dalam hal pembelian kenderaan.

Armizan berkata, peruntukan perundangan bercirikan Lemon Law setakat ini, termaktub dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

Selain itu, peruntukan undang-undang sedia ada yang memiliki ciri komponen Lemon Law

juga terkandung dalam beberapa akta dan peraturan merentasi kementerian serta agensi seperti Akta Kontrak 1960, Akta Jualan Barang 1957 dan Akta Sewa Beli 1967.

## Tingkat kadar ganti rugi

Sementara itu, beliau berkata, kadar baharu smasa had tunutan ganti rugi pengguna terhadap pembekal atau pengilang adalah antara komponen utama dalam pertimbangan menambah baik undang-undang bercirikan

Lemon Law.

Ini kerana, katanya, Seksyen 98(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) ketika ini, hanya menetapkan tuntutan ganti rugi pada kadar RM50,000 sahaja.

“Laporan awal KPDN dalam menambah baik undang-undang Lemon Law, had bidang kuasa termasuk nilai had RM50,000 adalah antara empat komponen utama itu berbangkit yang perlu ditambah baik.

“Saya amat bersetuju bahawa melihat realiti dan tuntutan semasa nilai had amanah ini adalah perkara perlu diperkuuh dan ditambah baik,” katanya menjawab soalan tambahan Shamshukhar mengenai syur menaikkan had tuntutan kepada RM150,000.

Mengenai Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024, Armizan berkata, ia bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pemegang taruh mengenai cadangan pengukuhan kerangka perundangan Lemon Law di Malaysia.

“Bersandarkan simposium ini, didapati semua pemegang taruh termasuk pihak industri memberikan respons positif untuk memperkuuh perlindungan hak kepenggunaan melalui Lemon Law, sekali gus membantu perkembangan industri automotif negara,” katanya.

## Penyeludup tinggalkan 550 liter petrol

**TUMPAT:** Seorang penyeludup meninggalkan 550 liter minyak petrol selepas kereta membawa bahan bakar itu terbakar dan melanggar pokok di Kampung Bunohan di sini semalam.

Terdahulu, suspek telah milarikan diri sejauh 7 kilometer (KM) selepas kereta jenis Proton Preve yang dinaikinya dikejar oleh sepasukan anggota pe-

nguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KDPN) Kelantan.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, semasa melakukan rondaan rutin sepasukan anggota bertugas mengesani sebuah kereta yang diparkir di Kampung Pak Keral di sini selepas menerima maklumat risikan.

Menurut beliau, anggota ber-

tugas kemudian menghampiri kereta tersebut untuk membuat pemeriksaan lanjut.

"Suspek yang menyedari kehadiran anggota bertugas terus milarikan diri dengan memecut laju keretanya menghala ke Kampung Bunohan.

"Setiba di lokasi kereta yang dipandu suspek hilang kawalan dan melanggar sebatang pokok

di Kampung Bunohan," katanya ketika dihubungi semalam.

Azman berkata, suspek milarikan diri sehingga gagal dikehaskan oleh anggota penguatan kuasa.

Katanya, hasil pemeriksaan yang dilakukan membawa kepada penemuan bahan bakar petrol bernilai RM1,127.50 dan kes akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

## Kajian tentang Lemon Law dijangka siap September ini

KUALA LUMPUR — Kajian Dewan Juri Perundangan berkaitan Lemon Law dijangka selesai pada September ini.

Lemon Law mengurik kepada undang-undang yang melindungi pembeli barang perguna, khususnya kenderaan berkaitan produk yang berlanggani kali gajal memenuhi standard kualiti serta prestasi.

Undang-undang itu memastikan pembeli boleh mendapatkan penggantian atau bayaran ba-

lik bagi produk dianggap lemon (produk cacat).

Menyertai Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (EPDN), Datuk Arminza Mohd. Ali berkata, hasil kajian itu akan dijadikan usas pertimbangan dalam merentas keputusan dasar.

"Di Malaysia, peruntukan perundangan bercirikan Lemon Law berkaitan hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal atau pengilang jika barang yang dibekalkan gagal memenuhi

perintah yang ditetapkan telah termaktub dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) di bawah kawal selia EPN.

"Jadi, kajian yang bermula Juan ini akan menentukan sama ada perlu buat penambahbaikan terhadap korangki perundangan se dia ada atau perlu penggabalan perundangan baharu," katanya kerana sesi asal jawab Juan di Dewan Rakyat, di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Shamshukar Mohd. Deli (Jem-

pol-BN), Khairil Nizam Khrudin (PN-Jerantut) dan Cha Kee Chin (DAP-Ranau) berkaitan Lemon Law terutamanya dalam melindungi hak pengguna menerusi hal ehwal pembelian kendaraan.

Sementara itu, Arminza berkata, EPN akan terus maklumatkan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi menjayakan usaha terabbi.

"Ini termasuk penganguran Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024 pada 4 Jun lalu bagi

mendapatkan maklum balas daripada pemegang taruh berkenaan cadangan pengukuhkan perundangan berkaitan Lemon Law di Malaysia.

"Bersandarkan kepada simposium itu, didapati semua pihak termasuk industri memberi respon positif bagi memperkuat perlindungan hak kepenggunaan melalui Lemon Law; sekali gus membantu persembangun industri automotif negara," ujarnya.

## PERUNDANGAN BERKAITAN LEMON LAW

# Kajian dijangka selesai September ini

**Kuala Lumpur:** Kajian mengenai perundangan berkaitan *Lemon Law* yang dimulakan bulan lalu membabitkan kumpulan perunding pakar dijangka selesai September ini, kata **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.**

*Lemon Law* ialah undang-undang menyediakan hak tebus rugi kepada pembeli kenderaan bermotor dan barang pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk yang berulang kali rosak selain gagal memenuhi standard kualiti serta prestasi.

Armizan berkata, kajian kebolehlaksana-

an *Lemon Law* itu dijalankan susulan pelbagai aduan serta kes yang berlaku dan hasilnya akan dijadikan asas pertimbangan sama ada perlu membuat penambahbaikan terhadap kerangka perundangan sejia ada atau menggubal perundangan baharu.

"Sebagai usaha berterusan KDPN akan terus melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan termasuk penganguran Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024 pada 4 Jun lalu," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Datuk Shamshul-kahar Mohd Deli (BN-Jem-**

**pol)** mengenai usaha kerajaan menggubal akta baharu atau meminda akta sedia ada berkaitan *Lemon Law* bagi melindungi pengguna dalam hal pembelian kenderaan dan tahap kesediaan pemain industri kenderaan terhadap pengenalan perundangan tersebut.

Armizan berkata, setakat

ini peruntukan perundangan bercirikan *Lemon Law* termaktub dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) di bawah kawal selia KPDN.

Selain itu, peruntukan undang-undang sedia ada yang mempunyai ciri komponen *Lemon Law* juga terkandung dalam beberapa akta dan peraturan mewenngti kementerian dan agensi di Malaysia seperti Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barang 1957 dan Akta Sewa Beli 1967.

Mengulas mengenai Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024, Armizan berkata, ia bertujuan mendapatkan maklum balas daripada para pemegang taruh berkenaan cadangan pengukuhan kerangka perundangan *Lemon Law* di Malaysia. - Bernama

**Kajian mengenai perundangan berkaitan Lemon Law dimulakan bulan lalu**



ARMIZAN



KENDERAAN suspek yang melanggar pokok di tempat kejadian.

Oleh Siti Rohana Idris  
am@hmetro.com.my

#### Tumpat

Tindakan penyeludup yang memecut kertanya dengan muatan petrol mengundang padah apabila kenderaan itu hilang kawalan dan melanggar sebatang pokok.

Kejadian itu berlaku jam 5.50 petang kelmarin apabila pasukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeiri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mahu membuat pemeriksaan terhadap sebuah kereta yang sedang parkir di Kampung Pak Keral, di sini.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, pihaknya mengesan kenderaan itu membawa muatan petrol yang diisi dalam tong plastik untuk dibawa ke Thailand.

"Ketika pemeriksaan mahu dilakukan pasukan kami, secara tiba-tiba pemandu kereta itu memecut ke arah Kampung Bungan.

"Pasukan kami terus mengejarnya sejauh tujuh ki-

# Pecut 7km langgar pokok

*Kenderaan penyeludup bawa 550 liter petrol cuba lari daripada pasukan KPDN terbaas*



TONG plastik yang mengandungi 550 liter petrol di tempat duduk penumpang.

lometer (km) dan sebaik melalui kawasan sawah padi, kenderaan itu hilang kawalan seterusnya melanggar sebatang pokok.

"Bagaimanapun, suspek mlarikan diri ke arah sawah padi dan gagal dikesan," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Azman berkata, hasil periksaan dalam kenderaan itu menemui sejumlah tong plastik mengandungi 550 liter petrol di tempat duduk penumpang dan bahagian belakang yaang dianggarkan RM1,127.50.

Menurutnya, siasatan lanjut dijalankan mengikut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

# **APMM Perak tahan kapal korek beroperasi tanpa kebenaran**

**Ipoh:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak menahan kapal korek yang didapati beroperasi tanpa kebenaran di barat laut Pulau Tanjung Hantu, Lumut.

Pengaruhnya, Kepten Maritim Mohamad Shukri Khotob berkata, tindakan dilakukan jam 3.10 petang kelmarin oleh anggotanya yang melakukan rondaan di laut.

Beliau berkata, hasil periksaan terhadap kapal korek pasir didaftarkan di Fuzhou, China itu, menerima 60 tong gas petroleum cecair (LPG) dianggaran bernilai RM9,000.

“Kami sudah periksa barang kawalan ini. Ia tidak mempunyai dokumen yang sah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

“Kapal ini kemudian dibawa ke lokasi bersauh dan dieluarkan perintah tahanan dengan kes disiasat mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya semalam.

Mohamad Shasil Shukri

berkata, pemeriksaan juga mendapati, kapal korek itu mempunyai seorang nakhoda serta 47 kru disyaki 20 warga China, 26 warga Bangladesh dan seorang kru warga tempatan berusia antara 21 dan 68 tahun.

Beliau berkata, kapal itu didapati gagal mengemukakan sebarang dokumen asal kapal, port clearance dan seorang kru turut tidak memiliki dokumen sebagai kru kapal itu.  
– Bernama

**Sudah periksa  
tiada dokumen  
sah daripada  
KPDN**

**Mohamad Shukri  
Khotob**

# Lemon Law: Cadang ganti rugi sehingga RM150,000

Kerajaan pertimbang kenaikan had tuntutan pampasan itu dalam usaha lindungi pengguna bagi urusan beli kenderaan

Oleh NURHIDAYAH HAIROM  
KUALA LUMPUR

**K**erajaan mempertimbangkan kenaikan had tuntutan pampasan ganti rugi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (ITPM) dari-

pada RM50,000 kepada jumlah yang lebih besar dalam usaha melindungi pengguna dalam urusan pembelian kenderaan.

Had maksimum sehingga RM150,000 yang dicadangkan Datuk Shamshukahar Mohd Deli (BN-Jempol) kepada Dewan Rakyat dipersetujui sebagai nilai yang wajar diberi perhatian.


Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, menerusi laporan awal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhubung Lemon Law, had RM50,000 merupakan salah satu daripada empat komponen utama isu berbangkit yang perlu ditambah baik.

Menurutnya, Akta Pelindungan Pengguna 1999 (Akta 599) seksyen 98(1) sendiri telah dipinda sebanyak dua kali daripada had asal tuntutan pampasan ganti rugi hanya RM10,000 sejak undang-undang tersebut diwujudkan.

"Akta 599 Seksyen 98 (1) memang menetapkan bahawa had RM50,000 kalau kita lihat sejak diwujudkan, dah dua kali dipinda, asalnya hanya RM10,000, tahun 2003 dipinda kepada RM25,000 dan RM50,000 pada 2019."

"Saya bersetuju dengan Jempol bahawa melihat kepada realiti dan tuntutan semasa, sememangnya had nilai tersebut (RM150,000) adalah perkara yang perlu untuk diperkuatkan dan ditambah baik," katanya menjawab soalan tambahan ketika Sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat pada Rabu.

Sebelum itu, Shamshukahar meng-



Armizan ketika di Dewan Rakyat pada Rabu.

gesa agar perlaksanaan Lemon Law disegerakan meramandangkan ia dibangkitkan sejak 2007 lagi oleh Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Katanya, masalah utama berlaku melibatkan had tuntutan pampasan tribunal hanya maksimum RM50,000 dan kebaikan yang tidak mampu menampung kerugian melibatkan kerosakan kenderaan baru yang lebih mahal.

"Saya cadangkan, naikkan had (tuntutan pampasan) tribunal kepada RM150,000."

"Kalau perlu buat penambahan dalam akta dan bawa ke Dewan ini pada kadar segera untuk lindungi hak pengguna," ujarnya.



Laporan Sinar Harian pada 4 Januari lalu berhubung pelaksanaan Lemon Law.

**2** CRIME

SARAWAK TRIBUNE THURSDAY JULY 4 2024



## GOF cripples diesel misappropriation



**BINTANGOR:** The General Operations Force (GOF) has thwarted misappropriation

of subsidised diesel in an operation codenamed 'Ops Tiris' on Tuesday.

Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sarawak branch chief, Mohamad Zawawi,

said that the raid targeted an unnumbered house suspected of being used to store and transfer subsidised diesel.

"We received this case from Sibu GOF, which involved the misappropriation of 7,250 litres of subsidised diesel.

"Also included in the case were a lorry, 11 intermediate bulk containers (IBCs), and an electric pump.

"All of the seized items are valued at around RM26,337.50," he said in a statement.

The case is being investigated under Section 23 of the Control of Supplies Act 1951 for possession of controlled goods in a condition that gives rise to reasonable suspicion of committing an offence.

Corporations are liable to face fines of up to RM2 million for the first offence and up to RM5 million for subsequent offences, upon conviction.

Individuals could be fined up to RM1 million or face imprisonment of up to three years, or both, for the first offence, and up to RM2 million or imprisonment of up to five years,

We received this case from Sibu GOF, which involved the misappropriation of 7,250 litres of subsidised diesel. Also included in the case were a lorry, 11 intermediate bulk containers (IBCs), and an electric pump.

**ENFORCEMENT** officers inspect the IBCs suspected of having subsidised diesel at an unnumbered house.



or both, for subsequent offences.

Zawawi encouraged the public to report any information regarding the misappropriation of controlled and subsidised goods by calling 019-8488000 / 019-279431 or emailing the complaints portal at e-aduan.kpdn.gov.my.

Reports can also be made to the call centre at 1-800-886-800 and via the Ez Atiu KPDN app.

[www.sarawaktribune.com.my](http://www.sarawaktribune.com.my)



READ Sarawak Tribune online anywhere, anytime.



**BARANG KES:** Sejumlah minyak diesel bersubsidi yang dirampas hasil serbuan Ops Tiris ke atas sebuah rumah tanpa nombor yang disyaki dijadikan tempat penyimpanan dan pemindahan minyak diesel bersubsidi di Bintangor, kelmarin.

## **Ops Tiris: 7,250 liter diesel bersubsidi dirampas di Bintangor**

**SARIKEI:** Dianggarkan 7,250 liter minyak diesel bersubsidi telah dirampas hasil serbuan Ops Tiris ke atas sebuah rumah tanpa nombor yang disyaki dijadikan tempat penyimpanan dan pemindahan minyak diesel bersubsidi di Bintangor dekat sini, kelmarin.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sarawak (KPDN) Cawangan Sarikei Mohamad Zawawi berkata, pihaknya menerima kes tersebut daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) Cawangan Sibu.

"Dalam kes ini, turut dirampas ialah sebuah lori, 11 unit tangki IBC dan pam elektrik dengan jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM26,337.50.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu memiliki barang kawalan dalam keadaan yang menimbulkan syak munasabah untuk melakukan kesalahan," kata Mohamad dalam kenyataan kepada media, semalam.

Pada masa yang sama kata Mohamad, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RMS juta bagi kesalahan kedua untuk sesuatu pertubuhan perbadanan.

◆ Lihat Muka2

## Ops Tiris: 7,250 liter diesel bersubsidi dirampas di Bintangor

### ► Dari Muka 1

Manakala, bagi orang perseorangan didenda tidak melebihi RM1 juta bagi kesalahan pertama atau penjara tidak melebihi tempoh selama tiga tahun atau kedua-duanya dan denda tidak melebihi RM3 juta bagi kesalahan kedua atau penjara tidak melebihi tempoh selama lima tahun atau kedua-duanya.

Sehubungan itu katanya,

masyarakat dimohon menjadi mata dan telinga bagi membantu kementerian dengan menghulurkan maklumat sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi.

“Langkah ini amat penting bagi memastikan aktiviti haram ini yang menyebabkan kerugian besar kepada rakyat dan negara dapat dibanteras sehingga ke akar umbi.

“Orang ramai yang mem-

punyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak kementerian melalui saluran berikut iaitu WhatsApp ke nombor 019-8488000 atau 019-2794317, portal aduan eaduan.kpdn.gov.my, pusat panggilan 1-800-886-80 dan aplikasi telefon pintar Ez ADUKPDN,” ujar Mohamad lagi.

## KPDN Sarikei gagalkan cubaan seleweng diesel



BARANGAN RAMPASAN... Antara barang yang turut dirampas semasa serbuan Ops Tiris, kelmarin  
• Foto KPDN Sarikei

### EARL ANEK

**SARIKEI:** Satu aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi berjaya ditumpaskan menerusi Ops Tiris dalam serbuan yang dilakukan ke atas sebuah rumah tidak bermotor di Bintangor yang disyaki dijadikan stor tempat penyimpanan dan pemindahan minyak diesel bersubsidi, kelmarin.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarikei, Mohamad Zawawi berkata pihaknya menerima kes tersebut daripada Pasukan Gerakan Am Cawangan Sibu membabitkan penyelewengan minyak diesel bersubsidi anggaran 7,250 liter.

"Turut dirampas sebuah lori, 11 unit tangki IBC dan pam elektrik dengan jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan bernilai

RM26,337.50.

"Kes akan disiasat dibawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekaian 1961, iaitu memiliki barang kawalan dalam keadaan yang menimbulkan syak munasabah untuk melakukan kesalahan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan kenyataan media, semalam.

Katanya, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM5 juta bagi kesalahan kedua untuk sesuatu pertubuhan perbadanan.

"Manakala bagi orang perseorangan didenda tidak melebihi RM1 juta bagi kesalahan pertama atau penjara tidak melebihi tempoh selama tiga tahun atau kedua-duanya dan denda tidak melebihi RM3 juta bagi kesala-

han kedua atau penjara tidak melebihi tempoh selama lima tahun atau kedua-duanya.

"Masyarakat dipohon menjadi mata dan telinga bagi membantu kementerian dengan menghulurkan maklumat sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi bagi memastikan aktiviti haram ini dapat ditaras sehingga ke akar umbi menyebabkan kerugian besar kepada rakyat dan negara."

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewangan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak kementerian melalui saluran WhatsApp 019-848 8000 / 019-279 4317, portal aduan di eaduan.kpdn.gov.my, pusat panggilan 1-800-886-80 dan aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN," katanya.

## Usaha tangani peningkatan kos sara hidup diteruskan

**KUCHING:** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pending, Violet Yong dan Pembantu Khas Ahli Parlimen Stampin, Michael Kong mengadakan pertemuan dengan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak, Matthew Dominic bagi membincangkan langkah-langkah menangani kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang.

"Kami telah mengadakan perbincangan yang membahaskan hasil berkenaan langkah-langkah yang diambil oleh KPDN untuk menangani peningkatan kos sara hidup, termasuk inisiatif Jualan Rahmah MADANI. Kami berharap dapat bekerjasama dengan KPDN untuk memperluaskan program Jualan Rahmah MADANI di lebih banyak kawasan di Kuching," kata Kong.

Selain itu, Kong turut membantikkan isu yang dihadapi rakyat berikutan pelaksanaan pelan rasionalisasi subsidi diesel oleh Kerajaan Persekutuan di Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata menerusi pelan ini, subsidi bersasar untuk diesel



VIOLET Yong dan Pembantu Khas Ahli Parlimen Stampin, Michael Kong semasa berbincang dengan Matthew Dominic.

akan diberikan kepada sektor logistik melalui kad armada, membolehkan operator logistik membeli diesel pada harga tetap RM2.15 setliter di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0).

Bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa perniagaan masih menanggung kos lebih tinggi daripada pembekal, apabila mereka menerima alasan peningkatan kos logistik yang tidak boleh diterima, terutama apabila pengendali

logistik turut mendapat manfaat daripada pembelian diesel pada kadar subsidi.

Menurut Kong, tindakan sebegini tidak boleh dibiarkan kerana ia mengorbankan rakyat bagi mengaut keuntungan sendiri.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS-SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

## Keputusan tidak perbaharui lesen MyGaz jual atau agih LPG bersubsidi di Sarawak kekal

**KUCHING:** Mahkamah Tinggi Kuching semalam mengekalkan keputusan Pengarah Pengedaran Gas tidak memperbaharui lesen MyGaz Sdn Bhd (MyGaz) untuk menjual atau mengagihkan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi di Sarawak apabila ia tamat tempoh pada 30 November tahun lepas.

Pesuruhjaya Kehakiman Dato Faridz Gohim Abdullah memutuskan bahawa keputusan untuk tidak memperbaharui lesen adalah selaras dengan polisi awam Kerajaan Sarawak bagi melibatkan lebih ramai rakyat Sarawak dan syarikat Sarawak dalam perniagaan pengedaran gas khususnya dalam pengagihan LPG bersubsidi.

Mahkamah tidak akan campur tangan dalam sebarang keputusan yang dibuat berdasarkan dasar kerajaan, supaya tidak melanggar perkara di bawah cabang Eksekutif Kerajaan.

Selanjutnya, beliau memutuskan tiada asas untuk mahkamah campur tangan dalam kes ini.

Beliau berkata, fakta dan undang-undang menunjukkan MyGaz tidak mempunyai jangkaan yang sah untuk memperbaharui lesen menjual

LPG bersubsidi apabila lesen tersebut tamat.

Pembaharuan lesen sedemikian adalah atas budi bicara Pengarah sepenuhnya dan dalam kes ini, keputusan beliau adalah berdasarkan dasar kerajaan dan oleh itu tidak boleh dicabar di Mahkamah.

MyGaz diarah membayar kos RM30,000 kepada responden.

MyGaz menamakan Pengarah, Menteri Utiliti dan Telekomunikasi dan Kerajaan Sarawak sebagai responden.

MyGaz yang majoritinya dimiliki oleh sebuah syarikat di Thailand, telah menjual LPG bersubsidi di seluruh Sarawak dengan silinder kuning sebagai tanda dagangannya sejak 2013.

Pada asalnya, MyGaz telah dilesenkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Kooperasi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, untuk menjual LPG bersubsidi di Sarawak.

Selepas 2018, lesen pengagihan gas di Sarawak telah dikeluarkan oleh Pengarah Pengagihan Gas di bawah Ordinan Pengagihan Gas 2016 dan kementerian persekutuan tidak lagi mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen tersebut.

Apabila lesen MyGaz tamat pada 30 November tahun lepas, Pengarah enggan melanjutkan tempoh lesennya.

MyGaz, bagaimanapun, dibenarkan mengimport LPG dari Thailand ke Sarawak dan menjual LPG tanpa subsidi kepada pengguna komersial dan industri, berbeza dengan pengguna domestik yang tidak berhak membeli LPG bersubsidi.

Penjualan dan pengagihan LPG bersubsidi kepada pelanggan domestik kini dilakukan oleh anak syarikat PETROS, dipanggil Petros Niaga Sdn Bhd.

Pada 14 Disember 2023, MyGaz memohon kepada Mahkamah Tinggi di Kuching untuk semakan kehakiman bagi membantalkan keputusan Pengarah agar tidak memperbaharui lesennya. Ia juga memohon perintah atau Mandamus untuk memaksa Pengarah mengeluarkan MyGaz dengan lesen sedemikian.

MyGaz diwakili oleh Alvin Yong sementara bagi pihak responden adalah Penasihat Undang-Undang Sarawak Dato Sri JCFong yang dibantu oleh pegawai undang-undang Voon Yan Sin, Khairul Kabir dan Simson Sim.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS-SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

**BERITA ONLINE BERTARIKH 4 JULAI 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Jul	Kajian Lemon Law dijangka selesai September ini	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1107199/kajian-lemon-law-dijangka-selesai-september-ini">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1107199/kajian-lemon-law-dijangka-selesai-september-ini</a>	HARIAN METRO
4-Jul	Kajian mengenai 'Lemon Law' dijangka siap September	<a href="https://malaysia-tribune.news/2024/07/03/kajian-mengenai-lemon-law-dijangka-siap-september/">https://malaysia-tribune.news/2024/07/03/kajian-mengenai-lemon-law-dijangka-siap-september/</a>	MALAYSIA TRIBUNE
4-Jul	Kajian 'Lemon Law' dijangka selesai September depan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kajian-lemon-law-dijangka-selesai-september-depan/">https://www.buletintv3.my/nasional/kajian-lemon-law-dijangka-selesai-september-depan/</a>	BULETIN TV3
4-Jul	Kajian tentang Lemon Law dijangka siap September ini	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/03/kajian-tentang-lemon-law-dijangka-siap-september-ini/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/03/kajian-tentang-lemon-law-dijangka-siap-september-ini/</a>	KOSMO
4-Jul	Cadang tuntutan pampasan ganti rugi kenderaan rosak sehingga RM150,000	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673087/berita/nasional/cadang-tuntutan-pampasan-ganti-rugi-kenderaan-rosak-sehingga-rm150000">https://www.sinarharian.com.my/article/673087/berita/nasional/cadang-tuntutan-pampasan-ganti-rugi-kenderaan-rosak-sehingga-rm150000</a>	SINAR HARIAN
4-Jul	Kajian tentang 'Lemon Law' telah bermula, siap pada September	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kajian-tentang-lemon-law-telah-bermula-siap-pada-september">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kajian-tentang-lemon-law-telah-bermula-siap-pada-september</a>	BERITA RTM
4-Jul	Kajian Lemon Law dijangka selesai September ini - Armizan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-lemon-law-dijangka-selesai-september-ini-armizan-477368">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-lemon-law-dijangka-selesai-september-ini-armizan-477368</a>	ASTRO AWANI
4-Jul	Kajian kebolehlaksanaan Lemon Law dijangka selesai September	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/07/03/kajian-kebolehlaksanaan-lemon-law-dijangka-selesai-september/">https://malaysiagazette.com/2024/07/03/kajian-kebolehlaksanaan-lemon-law-dijangka-selesai-september/</a>	MALAYSIA GAZETTE

4-Jul	KPDN Labuan berjaya anjur 37 PJR sepanjang tahun ini	<a href="https://www.wilayahku.com.my/kpdn-labuan-berjaya-anjur-37-pjr-sepanjang-tahun-ini/">https://www.wilayahku.com.my/kpdn-labuan-berjaya-anjur-37-pjr-sepanjang-tahun-ini/</a>	WILAYAHKU
4-Jul	Ops Tiris rampas 7,250 liter minyak diesel bersubsidi di Bintangor	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/03/ops-tiris-rampas-7250-liter-minyak-diesel-bersubsidi-di-bintangor">https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/03/ops-tiris-rampas-7250-liter-minyak-diesel-bersubsidi-di-bintangor</a>	UTUSAN BORNEO
4-Jul	Pemandu lari tinggal kereta bawa petrol selepas terbabas langgar pokok	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107231/pemandu-lari-tinggal-kereta-bawa-petrol-selepas-terbabas-langgar-pokok">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107231/pemandu-lari-tinggal-kereta-bawa-petrol-selepas-terbabas-langgar-pokok</a>	HARIAN METRO
4-Jul	Kereta terbabas langgar pokok, KPDN kejar penyeludup 7km	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673115/berita/semasa/kereta-terbabas-langgar-pokok-kpdn-kejar-penyeludup-7km">https://www.sinarharian.com.my/article/673115/berita/semasa/kereta-terbabas-langgar-pokok-kpdn-kejar-penyeludup-7km</a>	SINAR HARIAN
4-Jul	Authorities raid shop which sold cooking gas cylinders without a licence for 22 years	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/07/1071708/authorities-raid-shop-which-sold-cooking-gas-cylinders-without">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/07/1071708/authorities-raid-shop-which-sold-cooking-gas-cylinders-without</a>	NEW STRAITS TIMES
4-Jul	Cadangan naik had pembelian petrol pengusaha bot Sandakan dibawa ke Kabinet	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/03/cadangan-naik-had-pembelian-petrol-pengusaha-bot-sandakan-dibawa-ke-kabinet/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/03/cadangan-naik-had-pembelian-petrol-pengusaha-bot-sandakan-dibawa-ke-kabinet/</a>	KOSMO
4-Jul	Don't spread fake news, Sandakan consumers told	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/237280/don-t-spread-fake-news-sandakan-consumers-told/">https://www.dailyexpress.com.my/news/237280/don-t-spread-fake-news-sandakan-consumers-told/</a>	DAILY EXPRESS
4-Jul	Aktiviti penipuan penjualan minyak masak dalam talian masih berlaku - KPDN	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673198/berita/semasa/aktiviti-penipuan-penjualan-minyak-masak-dalam-talian-masih-berlaku--kpdn">https://www.sinarharian.com.my/article/673198/berita/semasa/aktiviti-penipuan-penjualan-minyak-masak-dalam-talian-masih-berlaku--kpdn</a>	SINAR HARIAN
4-Jul	Aktiviti penipuan penjualan minyak masak dalam talian masih berlaku - KPDN	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/aktiviti-penipuan-penjualan-minyak-masak-dalam-talian-masih-berlaku-kpdn-477447">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/aktiviti-penipuan-penjualan-minyak-masak-dalam-talian-masih-berlaku-kpdn-477447</a>	ASTRO AWANI
4-Jul	Aktiviti penipuan penjualan minyak masak dalam talian masih berlaku – KPDN	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/07/03/aktiviti-penipuan-penjualan-minyak-masak-dalam-talian-masih-berlaku-kpdn/">https://www.tvsarawak.my/2024/07/03/aktiviti-penipuan-penjualan-minyak-masak-dalam-talian-masih-berlaku-kpdn/</a>	TV SARAWAK

4-Jul	AKTIVITI PENIPUAN PENJUALAN MINYAK MASAK DALAM TALIAN MASIH BERLAKU - KPDN	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2313949">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2313949</a>	BERNAMA
4-Jul	Online packaged cooking oil scams still prevalent — ministry	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/717778">https://theedgemalaysia.com/node/717778</a>	THE EDGE MALAYSIA
4-Jul	KPDN terima 14 aduan jual minyak masak peket dalam talian	<a href="https://www.malay.news/kpdn-terima-14-aduan-jual-minyak-masak-peket-dalam-talian/">https://www.malay.news/kpdn-terima-14-aduan-jual-minyak-masak-peket-dalam-talian/</a>	MALAY NEWS
4-Jul	Agro Bank perluas perkhidmatan tanpa tunai di Pantai Timur	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673193/bisnes/agro-bank-perluas-perkhidmatan-tanpa-tunai-di-pantai-timur">https://www.sinarharian.com.my/article/673193/bisnes/agro-bank-perluas-perkhidmatan-tanpa-tunai-di-pantai-timur</a>	SINAR HARIAN
4-Jul	Keputusan tidak perbaharui lesen MyGaz jual atau agih LPG bersubsidi di Sarawak kekal	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/03/keputusan-tidak-perbaharui-lesen-mygaz-jual-atau-agih-lpg-bersubsidi-di-sarawak-kekalk">https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/03/keputusan-tidak-perbaharui-lesen-mygaz-jual-atau-agih-lpg-bersubsidi-di-sarawak-kekalk</a>	UTUSAN BORNEO
4-Jul	Pasangan kekasih jual topi keledar tiruan kena tahan	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107389/pasangan-kekasih-jual-topi-keledar-tiruan-kena-tahan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107389/pasangan-kekasih-jual-topi-keledar-tiruan-kena-tahan</a>	HARIAN METRO
4-Jul	Pasangan kekasih jual topi keledar tiruan berjenama popular ditahan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/pasangan-kekasih-jual-topi-keledar-tiruan-berjenama-popular-ditahan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/pasangan-kekasih-jual-topi-keledar-tiruan-berjenama-popular-ditahan/</a>	UTUSAN MALAYSIA
4-Jul	KPDN Kedah tahan pasangan kekasih jual topi keledar tiruan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kedah-tahan-pasangan-kekasih-jual-topi-keledar-tiruan/#google_vignette">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kedah-tahan-pasangan-kekasih-jual-topi-keledar-tiruan/#google_vignette</a>	BULETIN TV3
4-Jul	Pasangan kekasih ditahan jual topi keledar tiruan di media sosial	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1266725/pasangan-kekasih-ditahan-jual-topi-keledar-tiruan-di-media-sosial">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1266725/pasangan-kekasih-ditahan-jual-topi-keledar-tiruan-di-media-sosial</a>	BERITA HARIAN
4-Jul	Pasangan kekasih jual topi keledar tiruan kena tahan	<a href="https://www.malay.news/pasangan-kekasih-jual-topi-keledar-tiruan-kena-tahan/">https://www.malay.news/pasangan-kekasih-jual-topi-keledar-tiruan-kena-tahan/</a>	MALAY NEWS

4-Jul	KPDN PATAHKAN CUBAAN SELUDUP 550 LITER PETROL	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2313897">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2313897</a>	BERNAMA
4-Jul	KAJIAN LEMON LAW DI-JANGKA SELESAI SEP-TEMBER INI - ARMIZAN	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2313851">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2313851</a>	BERNAMA
4-Jul	Pemandu kereta memecut laju ke arah Kampung Buno-han – KPDN	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pemandu-kereta-memecut-laju-ke-arah-kampung-bunohan-kpdn/">https://www.buletintv3.my/nasional/pemandu-kereta-memecut-laju-ke-arah-kampung-bunohan-kpdn/</a>	BULETIN TV3
4-Jul	Kereta terbabas langgar pokok, KPDN kejar penyeludup 7km	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kereta-terbabas-langgar-pokok-kpdn-kejar-penyeludup-7km-477409">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kereta-terbabas-langgar-pokok-kpdn-kejar-penyeludup-7km-477409</a>	ASTRO AWANI